

→ MUKA DUA

PAS amal politik matang: Najib

Machang: Datuk Seri Najib Razak menganggap PAS mengamalkan politik matang yang membina dalam hal tertentu serta boleh memberi kebajikan kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, walaupun UMNO dan PAS berbeza pendapat, parti itu tidak menyerang semberono kerana mengamalkan prinsip tabbayun.

"Konsep tabbayun itu bermaksud menyelidik dulu sesuatu berita dengan teliti sebelum membuat keputusan," katanya pada sidang media selepas Majlis Perdana Menteri (PM) Bersama Rakyat dan pelancaran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Parlimen Machang di sini, semalam.

Najib berkata, dalam isu Malaysia Development Bhd (1MDB), PAS memahami dan berpuas hati selepas penjelasan dibuat.

"Selepas mendengar penjelasan, barulah PAS membuat kesimpulan dan mahu memberi peluang pada 1MDB untuk melakukan pelan rasionalisasi," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, Barisan Nasional (BN) boleh menang pada pilihan raya umum jika ahlinya mengamalkan tiga prinsip iaitu mempunyai roh perjuangan; kepemimpinan satu saf dan sifat wala (setia) kepemimpinan.



Walaupun UMNO dan PAS berbeza pendapat, parti itu tidak menyerang semberono kerana mengamalkan prinsip tabbayun"

Najib Razak,
Perdana Menteri

Najib diiringi Mustapa (kanan) dan Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakob (tiga dari kanan) melawat pameran model PPR Machang di SMK Bandar Machang, semalam.



Untuk video layari www.bharian.com.my

Kerajaan Pusat tanggung subsidi PPR di Kelantan

→ Peruntukan sehingga RM120,000 setiap unit beri manfaat kepada masyarakat tempatan

Oleh Anwar Hussin, Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohd Zulkifli Zainuddin dan Mohamad Sahidi Yusof
bhnews@bh.com.my

► Machang

Kerajaan Pusat menanggung subsidi di antara RM80,000 hingga RM120,000 bagi setiap rumah membabitkan lapan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, lapan projek itu, termasuk 1,000 unit PPR

Kota Bharu dan 418 unit PPR Machang yang dalam pembinaan.

"Ini menunjukkan kerajaan melakukan projek yang menyentuh hati dan perasaan rakyat. Kita menanggung subsidi antara RM80,000 hingga RM120,000 bagi setiap rumah bergantung kepada kontraktor, kos tanah serta pembinaan.

Projek siap awal 2019

"Hari ini saya melancarkan 418 unit PPR di Batu 25 di Machang membabitkan keluasan 16 hektar dengan nilai RM75 juta dan akan disiapkan pada awal 2019 nanti. Rumah PPR ini yang dijual pada harga RM35,000 pasti memberi banyak manfaat kepada masyarakat tempatan, terutama mereka yang tidak mempunyai rumah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Perdana Menteri (PM) Bersama Rakyat dan pelancaran PPR Machang, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Machang, di sini, semalam. Yangturut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Moha-

med; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajidi Dusuki.

Sementara itu, di Jeli, Najib berkata, kerajaan membelanjakan RM22 bilion setiap tahun untuk perkhidmatan kesihatan, namun hanya mengutip RM700 juta.

Ringankan beban rakyat.

Beliau berkata, banyak subsidi ditanggung kerajaan dalam perkhidmatan kesihatan demi meringankan beban rakyat.

"Di hospital kerajaan, rakyat hanya perlu membayar RM1 untuk mendapatkan rawatan berbanding lebih RM30 di hospital swasta.

"Kerajaan hari ini terlalu banyak membantu rakyat, namun tidak semua yang sedar pengorbanan dilakukan kerajaan. Rakyat begitu beruntung dengan pengorbanan serta usaha dilakukan kerajaan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian bangunan tambahan Hospital Jeli, dekat sini.

Fakta nombor

8 PROJEK

Perumahan Rakyat (PPR) di bangunan di Kelantan

1,000 UNIT

PPR dibina di Kota Bharu

418 UNIT

PPR dibina di Machang

Waktu Solat

Q www.eikhlis.com.my



TAKAFUL KENDERAAN
TAKAFUL PERLINDUNGAN PERIBADI

TAKAFUL ISI RUMAH
TAKAFUL PERJALANAN



IBADAT & FADILAT

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasullullah SAW bersabda: "Apabila kamu semua menunaikan solat Jumaat, tunaikanlah solat sunat empat rakaat selepas itu." (HR Muslim)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5:54	1:26	4:41	7:35	8:47
Alor Setar	5:54	1:26	4:41	7:35	8:47
P. Pinang	5:56	1:26	4:42	7:34	8:46
Ipoh	5:54	1:24	4:40	7:31	8:42
Kuala Lumpur	5:53	1:21	4:39	7:27	8:39
Shah Alam	5:53	1:21	4:39	7:27	8:39
Johor Bahru	5:46	1:12	4:31	7:16	8:28
Kuantan	5:46	1:14	4:32	7:21	8:32
Seremban	5:52	1:19	4:37	7:24	8:35
Bandar Melaka	5:52	1:18	4:36	7:23	8:35
Kota Bharu	5:52	1:19	4:34	7:27	8:35
K. Terengganu	5:44	1:15	4:31	7:22	8:34

PILIHAN TERTINGGI



- Pak Engku Kuzie Katering meninggal dunia
- Bekas suami sedih rumah tangga Joy, Hafiz bergolak
- 'Rupa-rupanya anak saudara'
- Dua beradik mangsa pemuas nafsu bapa, datuk, bapa saudara
- 'Maut akibat gas beracun'